



**SIARAN MEDIA  
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

**PERALIHAN PORTAL e-INVOICE MENJADI GOVERNMENT VENDOR PORTAL  
DALAM SISTEM TAFIS**

1. Berikutan dengan penambahbaikan ke atas sistem *Treasury Accounting and Financial Information System (TAFIS)*, Jabatan Perbendaharaan di Kementerian Kewangan dan Ekonomi dengan ini memaklumkan bahawa mulai 1hb., April, 2024, **portal e-Invoice** akan melalui proses peralihan dan **ditukar menjadi *Government Vendor Portal***.
2. *Government Vendor Portal* ini adalah portal layan sendiri (*self-service*), yang akan membolehkan pembekal-pembekal (*vendors*) yang berminat untuk menyertai sebutharga ataupun tawaran yang dikeluarkan oleh Kementerian-Kementerian dan Jabatan-Jabatan; serta menghadapi tuntutan atau invois setelah memberikan khidmat pembekalan atau perkhidmatan kerja kepada mana-mana agensi Kerajaan.
3. Pembekal-pembekal adalah dikehendaki untuk mendaftar secara atas talian (*online*) untuk mengakses *Government Vendor Portal* ini. Pembekal-pembekal yang sudah berdaftar di dalam portal *e-invoice* juga masih perlu mendaftar di dalam *Government Vendor Portal*.
4. Oleh itu, pembekal-pembekal yang berkenaan adalah dinasihatkan untuk mendaftar di dalam *Government Vendor Portal* dengan seberapa segera yang boleh. Pembekal-pembekal yang memerlukan bantuan untuk mendaftar di dalam *Government Vendor Portal* bolehlah menghadiri *Vendor Clinic* pada tempat dan tarikh seperti berikut:

Tarikh : 1hb., April, 2024 hingga 30hb., April, 2024

Masa : Semasa waktu bekerja

Tempat : Bilik Serbaguna 2, Tingkat 3, Kementerian Kewangan dan Ekonomi (*Island Block*)

Kementerian Kewangan dan Ekonomi  
Tarikh: 29hb Mac 2024